

TAKAFULINK DANA ESG GLOBAL

All information as at 31 May 2024 unless otherwise stated


Semua maklumat adalah seperti pada 31 Mei 2024 melainkan jika dinyatakan

Objective / Objektif Dana

Takafulink Dana ESG Global (The Fund) aims to maximise returns over long term by investing in a qualified Sustainable and Responsible Investment (SRI) Fund.

Takafulink Dana ESG Global (Dana) bertujuan memaksimumkan pulangan jangka masa panjang dengan melabur dalam Dana Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (SRI) yang layak.

Where the Fund invests Komposisi Pelaburan Dana



Asset Allocation Peruntukan Aset

	% NAV
1 Nomura Global Shariah Sustainable Equity Fund	99.72
2 Cash, Deposits & Others	0.28

Fund Details / Maklumat Terperinci Dana

Investment Manager / Pengurus Pelaburan Prudential BSN Takaful Berhad

Inception Date / Tarikh Diterbitkan 20/03/2023


Current Fund Size / Saiz Dana Terkini RM3,308,879.03

Annual Fund Management Charge / Caj Pengurusan Dana Tahunan 1.50% per annum

Current NAV / NAB Terkini RM1.30021

How the Fund has performed / Prestasi Dana

Performance Graph / Jaduan Prestasi Dana
Takafulink Dana ESG Global Vs. Dow Jones Islamic Market
Market Developed Markets Index



Total Price Movement Over the Following Periods / Jumlah Pergerakan Harga Dalam Tempoh Tersebut

	1 month	3 months	6 months	1 year	3 years	5 years	Since Inception
Price Movement / Pergerakan Harga	3.54%	5.65%	19.26%	25.98%	NA	NA	30.02%
Benchmark / Penanda Aras	3.21%	2.12%	16.39%	0.00%	NA	NA	33.55%
Outperformance / Perbezaan Prestasi	0.33%	3.53%	2.87%	25.98%	NA	NA	-3.53%

TAKAFULINK DANA ESG GLOBAL

All information as at 31 May 2024 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Mei 2024 melainkan jika dinyatakan

Monthly Update / Laporan Bulanan Terkini

Fund Review & Strategy

The Fund returned 3.54% for the month, outperforming the benchmark return of 3.21% by 0.33%. Year-to-date, The Fund returned 16.53%, outperforming the benchmark return of 12.37% by 4.16%. In May 2024, the Target Fund Manager observed decent recovery in the global equity market from previous month. They think it was helped by market relief mainly attributed to the release of US economic data lowering the concerns of rate hike surprise. There were two key broad takeaways from the last round of earnings reports from Consumer and Software companies before wrapping up Q1 earnings season of fiscal 2024. Despite real wage growth recovery, Consumer spending power across income cohort on average could be perceived as neither weaker nor stronger. This would imply a slower economic growth ahead as stronger consumption is required for stronger economic recovery in a market rally from here. In the AI theme, software companies serve as a critical role to determine whether AI is a bubble. Other than the hyperscalers which provide computing power, the Target Fund Manager have not yet observed any accelerated AI contribution to the software companies as their corporate customers remain prudent in managing budget and planning projects around respective ROI. With current backdrop, they strongly reiterate their view that stock selection with favourable idiosyncratic factors with considerations of valuation multiples are critical to outperform. By region, North America and Asia Pacific contributed positively while Europe was a slight drag. Portfolio selection was the main contribution for the outperformance offsetting allocation. By sector, selections in Industrial and underweight allocation in Consumer Discretionary were more than offset the negative contributions from Healthcare and Financials. The top contributors to the relative performance were Johnson Control and TSMC. Elliott Management and Soroban Capital built stakes in Johnson Control which helped market to realize the underappreciated value of the Company. TSMC remains as a stronghold in the semiconductor industry and AI structural theme by providing advanced manufacturing capabilities. On the other hand, the bottom contributors to the relative performance were Becton Dickinson and Adobe. Even though Becton Dickinson had reported in early May with positive earnings beats and guided for stronger growth in 2H with Alaris, an infusion system, to ramp nicely, the Company suffered a negative read thru from Medtronic's earnings in late May which the Target Fund Manager think is an over-reaction.

Tinjauan & Strategi Dana

Dana menjana pulangan 3.54% pada bulan ini, mengatasi pulangan penanda aras 3.21% dengan perbezaan 0.33%. Sejak awal tahun sehingga bulan tinjauan, Dana meraih pulangan 16.53%, mengatasi pulangan penanda aras 12.37% dengan perbezaan 4.16%. Pada Mei 2024, Pengurus Dana Sasaran mendapati pasaran ekuiti global pulih dengan lebih baik berbanding bulan sebelumnya. Pengurus berpendapat bahawa ia dibantu oleh kelegaan pasaran yang disebabkan terutamanya oleh data ekonomi US yang mengurangkan kebimbangan kejutan kenaikan kadar faedah. Terdapat dua perkara penting yang diambil daripada laporan pendapatan pusingan terkemudian daripada syarikat Pengguna dan Perisian sebelum menamatkan musim pendapatan 1Q fiskal 2024. Walaupun pertumbuhan gaji sebenar mulai pulih, namun kuasa perbelanjaan Pengguna merentas kohort pendapatan secara purata boleh dilihat sebagai tidak lebih lemah mahupun lebih kukuh. Ia membayangkan pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan di hadapan kerana penggunaan yang lebih kukuh diperlukan bagi pemulihan ekonomi yang lebih kukuh melalui peningkatan pasaran dari sini. Dalam tema AI, syarikat perisian berperanan penting untuk menentukan jika AI hanyalah gelembung. Selain daripada hiperskala yang menyediakan kuasa pengkomputeran, Pengurus Dana Sasaran masih belum melihat sebarang pencepatan sumbangan AI kepada syarikat perisian kerana pelanggan korporat syarikat kekal berhemat dalam mengurus bajet dan merancang projek sekitar ROI masing-masing. Dengan latar belakang semasa, pengurus dengan tegas mengulangi pandangan bahawa pemilihan saham dengan faktor idiosinkratik yang menguntungkan di samping pertimbangan tentang gandaan penilaian adalah penting buat prestasi yang baik. Menurut rantau, Amerika Utara dan Asia Pasifik menyumbang secara positif manakala Eropah menyeret prestasi sedikit. Pemilihan portfolio memberikan sumbangan utama ke atas prestasi, mengimbangi peruntukan. Menurut sektor pula, pemilihan dalam peruntukan Perindustrian dan kekurangan pegangan dalam Pengguna Bukan Keperluan lebih daripada mengimbangi sumbangan negatif daripada Penjagaan Kesihatan dan Kewangan. Penyumbang utama kepada prestasi relatif ialah Johnson Control dan TSMC. Elliott Management dan Soroban Capital membina kepentingan dalam Johnson Control yang membantu pemasaran untuk merealisasikan nilai Syarikat yang dinilai kurang. TSMC kekal sebagai kubu kuat industri semikonduktor dan tema struktur AI dengan menyediakan keupayaan pembuatan termaju. Sebaliknya, penyumbang terkecil kepada prestasi relatif ialah Becton Dickinson dan Adobe. Walaupun Becton Dickinson melaporkan pada awal Mei rentak pendapatan positif dan dipandu untuk pertumbuhan yang lebih kukuh dalam 2H dengan Alaris, sebuah sistem infusi, untuk meningkat dengan baik, namun syarikat tersebut memberikan bacaan negatif melalui pendapatan Medtronic pada akhir Mei, yang menurut pendapat Pengurus Dana Sasaran sebagai tindak balas yang berlebihan.

Source / Sumber: Fund Commentary, May 2024, Nomura Asset Management Malaysia Sdn. Bhd.

Disclaimer

Investments are subject to investment risks including the possible loss of the principal amount invested. The value of the units may fall as well as rise. Past performances of the funds and that of the fund managers are not necessarily indicative of future performance. The price movements indicated are not reflective of the actual return on your investments (which are subject to your premium allocation rate and deduction charges). The actual return on your invested premiums may fluctuate based on the underlying performance of the investment-linked funds. All Takafulink Dana are invested in Shariah-approved securities and/or Islamic private debt securities. This leaflet is for illustrative purposes only. For further details on the terms and conditions, please refer to the policy document. For further details on how you can invest in these funds, please refer to the respective product brochures. In the event of discrepancy between the information in this fact sheet and the policy document, the information in the policy document shall prevail.

Pelaburan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan jumlah wang pokok yang dilabur. Nilai unit mungkin naik ataupun jatuh. Prestasi masa dulu dana-dana atau pengurus-pengurus dana tidak semestinya mencerminkan prestasi masa depan. Pergerakan harga yang ditunjukkan tidak menggambarkan pulangan sebenar pelaburan anda (yang tertakluk kepada kadar peruntukan premium dan caj potongan). Pulangan sebenar ke atas premium yang anda labur mungkin berbeza, bergantung kepada prestasi dana-dana. Semua Takafulink Dana dilaburkan dalam sekuriti yang diluluskan oleh Syariah dan/atau sekuriti hutang swasta Islam. Risalah ini disediakan hanya untuk gambaran semata-mata. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk keterangan lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Untuk keterangan lanjut mengenai bagaimana anda boleh melabur dalam dana-dana ini, sila rujuk kepada risalah-risalah produk yang berkenaan. Jika terdapat perbezaan di antara helaian fakta dan dokumen polisi, maklumat dalam dokumen polisi dianggap muktamad.

TAKAFULINK DANA ESG GLOBAL

All information as at 31 May 2024 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Mei 2024 melainkan jika dinyatakan

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL